

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]****TARIKH : 22.3.2018 (KHAMIS)****SOALAN :**

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah projek pembinaan bangunan SMK Bongkol belum lagi dimulakan. Apakah faktor yang menyebabkan kelewatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan bangunan SMK Bongkol, Pitas, telah diluluskan pembinaannya dalam *Rolling Plan 1* (RP1) Tahun 2016 RMKe-11. Projek pembinaan sekolah tersebut adalah projek Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dilaksanakan oleh JKR Sabah melalui Surat Kuasa Perlaksanaan Projek kepada JKR Sabah bertarikh 13 Jun 2016. Projek ini sedang dilaksanakan mengikut jadual dan status semasa projek ini adalah dalam proses penyediaan Lukisan Tapak dan Pelan Pembangunan.